



كمنترين سومبر ٢ اوتام دان قلنچوغن
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM
BRUNEI DARUSSALAM

**MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA 2018
JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Tempat: TAMAN REKREASI JALAN MENTERI BESAR
Tarikh: HARI RABU, 3 REJAB 1439H
BERSAMAAN 21HB MAC 2018M**

Bandar Seri Begawan, 21 Mac 2018. Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2018 dengan bertemakan **Hutan dan Kelestarian Bandar (*Forests and Sustainable Cities*)**. Majlis diadakan di Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan. Hadir pada majlis sambutan berkenaan ialah Yang Mulia Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim, Pemangku Pengarah Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber dan Pelancongan. Turut hadir bagi memeriahkan majlis sambutan tersebut ialah Pegawai-Pegawai dan Kakitangan-Kakitangan dari Jabatan Perhutanan, Perwakilan dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Perwakilan dari Pusat Promosi Kesihatan, Pengurus-Pengurus Syarikat Kilang Papan, dan Pengusaha-Pengusaha Bakau.

Tema sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini dipilih berdasarkan kepada tema sambutan antarabangsa yang mana mengetengahkan akan kepentingan dan peranan hutan di kawasan bandar demi kesejahteraan kehidupan seharian kita bersama. Antara peranan hutan di kawasan bandar ialah sebagai penyimpan karbon yang mana pokok-pokok boleh membantu mengurangkan kesan perubahan cuaca di kawasan bandar dan persekitarannya. Selain daripada itu, peranan hutan di bandar juga adalah sebagai penapis udara semulajadi yang terbaik dan membantu mengeluarkan bahan pencemar yang berbahaya di udara. Tema ini juga menekankan kepentingan hutan di bandar dan kawasan sekitarnya yang dapat menarik pelancongan, kecantikan bandar dan menggalakkan gaya hidup yang sihat.

Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini selaras dengan temanya diselitkan dengan aktiviti penanaman pokok beramai-ramai di kawasan Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan. Sejumlah 213 anak pokok telah ditanam yang terdiri daripada spesis-spesis pokok tempatan yang mempunyai nilai estetikanya tersendiri, antaranya adalah seperti Tulong (*Agathis* sp.), Gaharu (*Aquilaria* sp.) dan Pulaie (*Alstonia* sp.). Jumlah 213 pohon yang akan ditanam menggambarkan tarikh Hari Hutan Antarabangsa yang disambut setiap tahun pada 21hb Mac oleh masyarakat sejagat.